Bahasa Kadazan

Suku kaum Kadazan-Dusun mempunyai bahasa tersendiri. Suku kaum Kadazan dan suku kaum Dusun sebenarnya merupakan suku kaum yang berbeza, tetapi berasal dari rumpun yang sama. Bahasa kedua-dua suku kaum ini seakan-akan sama, cuma dibezakan oleh sedikit perbezaan dalam ejaan dan sebutan.

Contohnya, "rumah" disebut sebagai "walai" dalam bahasa Dusun dan "hamin" dalam bahasa Kadazan. Banyak perkataan lain yang hanya berbeza dari segi ejaan seperti "dua" iaitu "duo" dalam bahasa Dusun dan "duvo" dalam bahasa Kadazan, dan "sembilan" yang disebut "siam" dalam bahasa Dusun, dan "sizam" dalam bahasa Kadazan. Walau bagaimanapun, terdapat perkataan yang sama seperti "satu" iaitu "iso" dalam kedua-dua bahasa dan "enam" iaitu "onom".

Dusun Tengah	
Kadazan Tengah	
Asli di	Malaysia, Brunei
Wilayah	Sabah
Etnik	Kadazan
Penutur asli	60,000 (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austronesian ▪ Malayo-Polynesia ▪ Borneo Utara ▪ Sabah ▪ Dusunik ▪ **Dusun Tengah**
Kod bahasa	
ISO 639-3	`kzj`

Pautan luar

- http://www.flw.com/languages/kadazan.htm

Lihat juga

- Bahasa Dusun

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Kadazan&oldid=4206842"

Laman ini kali terakhir disunting pada 03:27, 26 November 2017.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.